

Vivien Khoo Juara Boling Sirkuit Masum

KUANTAN (27-28 Ogos) - Kejohanan Boling Sirkuit MASUM 2, yang diadakan di Berjaya Megalanes, dekat sini menyaksikan Universiti Putra Malaysia (UPM) terus mengekalkan penguasaan apabila menjadi Juara Master Boling Wanita.

Vivien Khoo, bekas pelatih kebangsaan ini begitu konsisten sepanjang pertandingan itu. Beliau telah mendapat 1821 jatuhan pin dan menewaskan pencabar terdekat dari UKM iaitu Tay Li Neo yang hanya mendapat 1745 jatuhan pin.

Vivien merupakan pemain rangking pertama keseluruhan bagi kesemua sirkuit dan layak ke Sirkuit MASTER di USM.

Nazri Noh, jurulatih boling UPM begitu yakin bahawa Vivien akan mengekalkan kejuaraan berdasarkan peningkatan prestasi serta jadual latihan yang sistematik walaupun beliau telah berehat lama dari bermain boling.

Pegawai Kontinjen UPM iaitu Mohamad Nizam Nazarudin begitu yakin dengan prestasi peserta

wanita dan lelaki UPM pada sirkuit akhir kelak.

"Kita akan memastikan bahu-wa kuliah dan peperiksaan tidak

akan mengganggu persediaan pasukan pada sirkuit Master nanti. Pelbagai pihak akan berusaha memberi komitmen," katanya lagi.



JUARA... Vivien meraikan kejayaan bersama Pegawai Kontinjen UPM, Nizam setelah menjuarai boling sirkuit MASUM.